

67,944 unit Residensi Wilayah Keluarga Malaysia lulus pembinaan

SINAR AHAD ms:6 19/6/2022

FOTO: BERNAMA

Melibatkan 104 projek di Wilayah Persekutuan yang mendapat kelulusan setakat Mei

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
KUALA LUMPUR



Residensi Wilayah Keluarga Malaysia Sky Awani 3 menawarkan 1,905 unit kediaman berkeluasan 800 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air pada harga RM300,000 seunit.

binaan sebanyak 5,000 unit Council Home dalam tempoh lima tahun antara tahun ini hingga 2027," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Residensi Sky Awani 3 di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, KWP menyasarkan pembinaan sebanyak 5,000 unit Council Home dalam tempoh 5 tahun antara tahun ini hingga 2027.

Sehingga April tahun ini kata-

nya, sebanyak 10 tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan Council Home di Wilayah Persekutuan.

"Projek yang telah siap sepenuhnya adalah di Sungai Udang, Segambut berjumlah 1,251 unit," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sentiasa memastikan kediaman yang ditawarkan kepada Keluarga Malaysia memenuhi keperluan semasa serta persekitaran yang selesa, kondusif,



Ismail Sabri (tengah) menyaksikan penyerahan anugerah 'SkyBridge Kediaman Tertinggi di Malaysia' iaitu 170.55m daripada Malaysia Book of Records kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SkyWorld Development, Lee Chee Seng (tiga dari kanan) pada Ahad.

mesra keluarga serta praktikal selain mampu dimiliki sejajar dengan wawasan Satu Keluarga Satu Rumah.

"Justeru kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 serta Majlis Perumahan Mampu Milik Negara telah menggariskan langkah-langkah segera dan jangka panjang untuk merealisasikan hasrat itu," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut menyaksikan penyerahan sijil Malaysia Book of Records

kepada SkyWorld bagi Anugerah SkyBridge Kediaman Tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 170.55 meter yang dibina di Residensi SkyAwani 3.

Residensi SkyAwani 3 dibina syarikat SkyWorld di bawah Residensi Wilayah Keluarga Malaysia itu menawarkan sejumlah 1,905 unit kediaman berkeluasan 800 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air pada harga RM300,000 seunit.